



Alexander Nanta Linggi



Ronald Kiandee

## KPDNHEP jamin bekalan cukup

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan, khususnya barang-barangan kawalan mencukupi di pasaran.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata tiada keperluan orang ramai melakukan pembelian panik atau menyimpan barang berlebihan kerana keadaan masih terkawal.

Katanya, barang-barangan seperti gula, minyak masak dan tepung gandum mencukupi di pasar raya dan kedai runcit bagi kegunaan domestik.

"Lebih 2,500 penguat kuasa KPDNHEP seluruh negara diajar memantau bekalan supaya peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga dan mengadakan aktiviti menyorok barang-barangan."

"KPDNHEP belum mengenakan sekat kemasukan barang-barangan luar negara seperti dilakukan beberapa negara Asia Barat yang terkesan COVID-19," katanya selepas Majlis Perasmian Cawangan Tealive ke-506 di KPDNHEP di sini, semalam.

Beliau turut memaklumkan kerajaan akan menghentikan eksport penutup hidang dan mulut dalam masa terdekat bagi memberi keutamaan kepada pengguna tempatan.

Sementara itu, aktiviti pasar malam dan gerai tepi jalan turut diarahan tutup, dengan menggalakkan pengusaha restoran menjual makanan secara bungkus.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata bekalan makanan negara ketika ini stabil

dan terkawal.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengambil langkah persediaan bagi menjamin bekalan mencukupi ketika Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasa bermula hari ini hingga 31 Mac.

Beliau berkata, kedudukan stok beras peringkat kilang, borong dan runcit masih berada pada tahap konsisten, iaitu purata 400,000 hingga 500,000 tan setiap bulan, berbanding keperluan bulanan negara iaitu 200,000 tan.

"Kementerian sentiasa memantau kedudukan stok beras secara berkala melalui pemegang lesen kilang, borong dan runcit beras.

"Pengeluaran dan bekalan daging serta telur ayam kebanyakannya dihasilkan secara tempatan, mencukupi untuk menampung permintaan domestik."

"Secara purata, pengeluaran ayam antara 57 sehingga 59 juta ekor sebulan berbanding penggunaan dalam negara dicatatkan antara 43 sehingga 45 juta ekor sebulan. Pengeluaran telur sebulan 800 juta biji berbanding penggunaan pada sekitar 620 sehingga 630 juta biji sebulan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pengeluaran bahan keperluan makanan lain terutama ikan bagi suku tahun pertama tahun ini juga tidak mengalami perubahan ketara.

"Pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan tidak menunjukkan kesan ketara.

"Daging lembu dan kerbau 18,000 tan termasuk daging sejuk beku diimport dari Australia dan India dianggap mencukupi untuk keperluan semasa," katanya.